Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 6.3% pada tahun 2007, iaitu kadar pertumbuhan terpantas dalam tempoh tiga tahun. Pertumbuhan dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh daripada sektor swasta dan awam. Pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh ini, dalam persekitaran luar negeri yang kurang menggalakkan, adalah hasil daripada kekuatan permintaan dalam negeri dan struktur ekonomi negara yang semakin pelbagai. Dengan ekonomi Malaysia melalui transformasi struktur dalam tempoh sedekad yang lalu, sektor perkhidmatan kini menjadi peneraju utama pertumbuhan ekonomi. Hasilnya, bidang pertumbuhan baharu telah muncul. Kepelbagaian ini juga dapat dilihat dalam sektor perkilangan dan dengan itu sektor eksport. Perubahan dalam corak perdagangan ini telah diperkukuh oleh pempelbagaian seterusnya dalam pasaran eksport negara.

Pada tahun 2008, persekitaran luar negeri dijangka terus terjejas lantaran lanjutan krisis kewangan yang tercetus di Amerika Syarikat. Dengan krisis tersebut tidak menunjukkan sebarang tanda akan reda, ketidakpastian dan penghindaran risiko telah meningkat dalam pasaran kewangan. Kini, kelembapan ekonomi di negara-negara yang mengalami krisis dijangka lebih ketara dan berpanjangan daripada jangkaan awal. Hal ini bukan sahaja disebabkan oleh masalah mudah tunai skala besar yang seterusnya mengekang keadaan kredit, malah ia juga disebabkan oleh kesan penurunan harga aset dan inflasi yang lebih tinggi terhadap perbelanjaan pengguna. Meskipun keketaraan impak perkembangan ini terhadap pertumbuhan global tidak jelas, keadaan ini menambah ketidakpastian yang sudah sedia ada dalam pasaran kewangan. Ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran kewangan yang dialami pada tahun 2007 dijangka berterusan pada tahun 2008.

Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam beberapa ekonomi terbesar dijangka menyebabkan perdagangan global lebih sederhana. Walau bagaimanapun, perdagangan dalam kalangan negara Asia telah meningkat dengan nyata. Dengan permintaan dalam negeri ekonomi Asia semakin berkembang, pasaran kumulatif di rantau ini telah meningkat dengan ketara, dengan itu meningkatkan prospek bagi perdagangan antara rantau yang saling memperkukuh. Meskipun kesalinghubungan rantau ini dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa kukuh, permintaan dalam negeri yang dominan dan integrasi ekonomi serantau yang lebih meluas telah mengurangkan implikasi perkembangan luar negeri terhadap rantau ini. Oleh itu, meskipun ekonomi serantau tidak sepenuhnya dilindungi, sebahagian daripada implikasi ini akan dapat ditangani.

Malaysia memasuki tempoh ketidakpastian global yang kian meningkat ini dengan kedudukannya yang mantap. Ekonomi negara mencapai pertumbuhan mapan yang berpurata hampir 6% pada tiga tahun yang lepas. Kualiti pertumbuhan juga bertambah baik – menjadi lebih seimbang antara sumber pertumbuhan dalam negeri dengan luar negeri, antara aktiviti sektor swasta dengan sektor awam, dan antara sektor ekonomi yang berbeza. Pembangunan sektor kewangan dan liberalisasi kewangan yang berterusan juga memperlihatkan ganjaran yang ketara. Hal yang demikian telah menyumbang ke arah perjalanan sistem kewangan yang lebih cekap dan dalam menyokong proses pertumbuhan, serta peningkatan daya tahannya menangani kejutan. Berlatarbelakangkan persekitaran ini, ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan antara 5 - 6% pada tahun 2008.

Permintaan dalam negeri yang mampan adalah penting dalam pencapaian pertumbuhan ini. Pendapatan yang semakin bertambah, pasaran pekerja yang kukuh dan akses yang meningkat kepada pembiayaan dijangka menyokong perbelanjaan penggunaan yang berterusan. Berdasarkan penunjuk-penunjuk ekonomi dan kewangan terkini, aktiviti pelaburan dalam negeri dan pelaburan langsung asing yang kukuh dijangka berterusan pada tahun 2008. Dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan, pembiayaan untuk menyokong aktiviti yang meningkat dijangka berterusan. Perbelanjaan awam termasuk untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga untuk koridor ekonomi baharu akan memperkukuh pertumbuhan. Tambahan pula, sebagai sebuah ekonomi berasaskan sumber, kenaikan harga komoditi telah menjana kesan pengganda yang besar terhadap ekonomi dalam negeri. Guna tenaga dan imbangan luaran yang kukuh, paras keberhutangan yang rendah, dan kadar tabungan yang tinggi merupakan asas-asas makroekonomi tambahan yang telah meningkatkan tahap daya tahan ekonomi.

Meskipun pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan, inflasi terus meningkat di kebanyakan negara disebabkan oleh kenaikan harga tenaga, komoditi dan bahan makanan. Di Malaysia, kenaikan harga komoditi telah meningkatkan indeks harga pengeluar dengan ketara. Kos ini tidak dipindahkan sepenuhnya kepada harga pengguna. Sejauh mana harga pengeluar naik selanjutnya dan sejauh mana ini dipindahkan kepada pengguna akan menentukan trend inflasi pada tahun 2008 dan 2009. Namun, tekanan inflasi ini dijangka diredakan oleh beberapa faktor. Pertumbuhan global yang semakin perlahan akan sedikit sebanyak meredakan tekanan inflasi dan membendung jangkaan inflasi. Di dalam negeri pula, pengembangan kapasiti dan kenaikan upah yang setimpal dengan produktiviti juga akan membendung tekanan kenaikan harga. Berdasarkan penilaian terhadap trend yang diramalkan ini, inflasi keseluruhan purata dijangka meningkat daripada 2% pada tahun 2007 kepada 2.5 - 3% pada tahun 2008.

Walaupun terdapat kebimbangan terhadap inflasi dalam persekitaran global, kebanyakan bank pusat telah menangguhkan seketika pengetatan dasar monetari, sementara bank pusat lain melonggarkan dasar monetari secara agresif berikutan peningkatan risiko kelembapan ekonomi yang lebih ketara. Di Malaysia, penilaian risiko terhadap inflasi dan pertumbuhan ekonomi adalah hampir seimbang. Tambahan pula, inflasi sebahagian besarnya berpunca daripada kos yang meningkat dan bukannya disebabkan oleh tekanan permintaan. Berdasarkan jenis tekanan inflasi ini, sektor awam dan swasta perlu menumpukan lebih banyak usaha ke arah meningkatkan tahap kecekapan dan seterusnya mengurangkan kos. Masih terdapat potensi yang besar dalam sistem untuk mengurangkan lagi kos menjalankan perniagaan. Memandangkan punca tekanan inflasi, tatkala inflasi didorong oleh faktor-faktor global atau kejutan penawaran dan bukan tekanan permintaan dalam negeri, maka apa yang boleh dicapai oleh dasar monetari adalah terhad. Dalam keadaan ini, ekonomi yang terlalu bergantung pada kadar faedah akan menyebabkan pelarasan ekonomi tersebut yang tidak seimbang. Dalam konteks ini, dasar monetari akan terus mengimbangkan pertimbangan tersebut dengan teliti untuk memastikan kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan yang mampan.

Dasar monetari juga berdepan dengan cabaran aliran modal yang tidak menentu. Ketidakpastian yang meningkat juga mengakibatkan turun naik aliran modal dalam jumlah yang besar. Bagi sebahagian besar tempoh, aliran dua hala yang berterusan telah menyumbang kepada berkurangnya tahap turun naik aliran modal. Aliran masuk perolehan eksport, pelaburan langsung asing dan dana portfolio diimbangi oleh peningkatan pembayaran untuk import serta penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh syarikat multinasional dan pelaburan di luar negara oleh pemastautin. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tempoh aliran masuk skala besar dan juga aliran keluar yang kebanyakannya dicetuskan oleh aktiviti pengambilan untung atau peristiwa yang khusus. Instrumen kewangan yang ada pada Bank dan paras rizab yang kukuh memberi Bank keupayaan untuk menguruskan aliran yang melampau ini bagi memastikan perjalanan pasaran pertukaran mata wang asing yang teratur.

Ketidaktentuan baru-baru ini dalam pasaran kewangan global dan domestik telah memberikan penekanan pada pentingnya usaha yang dijalankan untuk mengukuhkan dan mendalamkan pasaran kewangan domestik. Khususnya, banyak usaha dan sumber disalurkan untuk membangunkan pasaran bon dan pasaran pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2007, Bank terus meliberalkan peraturan pertukaran asing secara berurutan dan berperingkat berdasarkan pertimbangan yang teliti akan prasyarat dan ketersediaan sistem kewangan untuk menguruskan risiko dan manfaat kepada ekonomi. Liberalisasi ini telah menyumbang kepada pembangunan pasaran kewangan domestik termasuk pasaran pertukaran mata wang asing. Liberalisasi ini juga telah menjana ganjaran ekonomi positif menerusi pengurangan kos menjalankan perniagaan dan pewujudan peluang perniagaan baharu. Demikian juga, tahap pembangunan pasaran bon turut bertambah pesat. Sebagai peratusan daripada KDNK, pasaran bon Malaysia kini adalah yang terbesar di rantau ASEAN dan tidak termasuk Jepun, adalah kedua terbesar di Asia selepas Korea Selatan. Usaha untuk menempatkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa juga telah membuahkan hasil yang positif. Pada tahun 2007, terbitan sukuk (sekuriti Islam) meningkat 161% untuk mencakupi 63% daripada jumlah sekuriti hutang swasta yang diterbitkan. Malaysia mencakupi 69% daripada jumlah terbitan sukuk global. Momentum trend ini telah meningkat lagi pada awal tahun 2008 meskipun terdapat ketidakpastian dalam pasaran kewangan global.

Di rantau ini, Bank terus secara aktif terbabit dalam usaha untuk mengukuhkan kerjasama serantau dalam kalangan bank pusat serantau. Keutamaan diberikan pada agenda pengawasan serantau dan pewujudan rangka kerja pengurusan krisis serantau yang bersepadu yang akan dilaksanakan jika berlakunya krisis. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan saranan dalam hala tuju bagi kerjasama dalam kalangan bank pusat EMEAP, Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan telah ditubuhkan dan akan melaksanakan usaha ke arah pengawasan dan pengurusan krisis yang lebih berstruktur di rantau ini. Usaha ini merupakan satu langkah ke hadapan yang sangat penting bagi kerjasama dan integrasi kewangan serantau. Pada tahun 2007, Bank menubuhkan Unit Perkhidmatan Perbankan Pusat baharu untuk memudahkan pengurusan hubung kait yang efisien dengan bank-bank pusat lain yang membabitkan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan latihan secara dua hala.

Keupayaan pengawasan makro dan mikro Bank telah diperkukuh dengan nyata pada tahun 2007. Ini termasuk mengukuhkan alat pengawasan, penilaian dan analisis implikasi. Dengan keadaan ketidakpastian menjadi lebih ketara, ujian ketahanan berdasarkan senario alternatif semakin kerap digunakan untuk membantu pengambilan tindakan awalan. Berdasarkan pengalaman krisis kewangan Asia, cara penyelesaian memerlukan tiga elemen penting. Pertama, pendekatan yang diterima pakai perlulah komprehensif, yang menangani perkembangan makro dan mikro. Kedua, ia perlu dilaksanakan pada peringkat awal krisis, dan ketiga, ia perlu disertai oleh strategi komunikasi yang meluas bagi mengembalikan keyakinan dan kestabilan. Pengawasan adalah penting dalam menyokong proses ini.

Pada tahun 2007, Bank telah mempergiat usaha untuk memodenkan dan mengukuhkan keupayaan organisasi di dalam Bank. Beberapa jabatan telah disusun semula pada tahun itu, termasuk jabatan-jabatan dalam sektor kestabilan kewangan. Ini bertujuan mewujudkan rejim pengawalan dan penyeliaan yang lebih konsisten untuk semua komponen berbeza sektor kewangan. Selain itu, langkah ini telah menyokong pendekatan yang lebih bersepadu bagi pembaharuan pengawalseliaan dan pengawasan, dan membolehkan pengagihan sumber penyeliaan dalam Bank secara yang lebih cekap.

Sebuah pelan urusan bagi tahun 2008 juga telah digariskan buat julung kalinya untuk menetapkan fokus dan keutamaan bagi tahun itu, bukan sahaja untuk mencapai mandat teras kestabilan monetari dan kewangan malah juga pembangunan sektor kewangan. Akhirnya, tumpuan berterusan akan diberikan pada pengurusan tenaga kerja mahir dan pelaburan dalam modal insan. Berikutan kejayaan pelaksanaan sistem ganjaran berasaskan prestasi yang boleh dibezakan dengan jelas, tumpuan diberikan pada pengurusan kerjaya, rancangan penggantian dan pembangunan kepemimpinan. Bank juga akan terus membuat pelaburan yang besar dalam latihan kakitangan pada tahun 2008 dengan peruntukan bersamaan dengan 12% daripada jumlah gaji dibelanjakan untuk pembelajaran.

Pada tahun 2009, Bank Negara Malaysia akan menyambut ulang tahunnya yang ke-50. Ini merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah monetari dan kewangan negara. Sejak penubuhannya, Bank telah berkhidmat bagi kepentingan negara dan berusaha untuk mewujudkan persekitaran monetari yang stabil dan pada masa yang sama, menggalakkan sistem kewangan yang moden dan cekap. Kemajuan yang besar telah dicapai sepanjang 50 tahun ini, dan usaha ini akan diteruskan. Dengan globalisasi makin meluas, ekonomi dan sistem kewangan Malaysia perlu terus berkembang dengan lebih kukuh dan juga berdaya tahan. Persekitaran yang kian berubah ini pasti akan membawa bersamanya cabaran-cabaran baharu. Tugas yang utama pada tahun ini adalah juga untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia dengan mengambil kira perubahan utama yang telah berlaku dan mengubah persekitaran operasi Bank. Ini adalah untuk memastikan bahawa Bank terus melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan sepanjang 50 tahun yang akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan dan rakan sekerja di Bank Negara Malaysia atas kerja keras dan komitmen mereka yang tidak pernah luntur sepanjang tahun 2007. Saya juga merakamkan terima kasih yang setulusnya kepada Lembaga Pengarah atas bimbingan dan sokongan mereka terhadap Bank.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor

26 Mac 2008